

EVIDENCE OF ELECTRONIC PRIVATE DOCUMENTS BASED ON ACT 561 AND SYARIAH COURT EVIDENCE ENACTMENT (PERAK) 2004 (EKMS PERAK 2004)

PEMBUKTIAN DOKUMEN PERSendiriAN ELEKTRONIK BERDASARKAN AKTA 561 DAN ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (PERAK) 2004 (EKMS PERAK 2004)

Mohamed Fouzi Mokhtariⁱ, Wan Abdul Fattah Wan Ismailⁱⁱ & Ahmad Syukran Baharudinⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar PhD, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). abifauzan@gmail.com

ⁱⁱ Profesor, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). wanfattah@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ahmadsyukran@usim.edu.my

Received: 15 November 2023

Article Progress
Revised: 20 February 2024

Accepted: 25 June 2024

Abstract	<p><i>Recent developments show that the use and dependence of society on electronic documents is increasing every time. Although electronic private documents are accepted as evidence of ordinary private documents. Therefore, the question arises about the principle of admissibility set by law to be accepted into the Court. This paper aims to identify the method of proof of electronic private documents based on Act 561 and the Perak EKMS 2004. In addition, this study also identifies the difference in the method of proof for electronic private documents based on the two laws. This legal study is qualitative using a documentation study approach. The analysis method used is content analysis of data obtained from data obtained from scientific documents such as books, articles, and case reports on issues related to electronic private documents. The method of proving electronic private documents based on Act 561 is the same as the method of proving ordinary private documents such as the confession of the document maker, two document witnesses, two written witnesses, expert testimony, and oath. This situation is different from the method stipulated in the Perak EKMS 2004, which provides two ways; the first is the same as Act 561, and the second provides a special method for proving computer documents. In conclusion, this study found that there are differences in the methods set by the two laws related to the proof of electronic private documents. This study suggests that evidence laws in all states be standardised to avoid misunderstandings due to differences in proof methods.</i></p> <p>Keywords: <i>Proof, Electronic Private Document, Evidence, Syariah Court.</i></p>
Abstrak	<p><i>Perkembangan terkini memperlihatkan bahawa penggunaan dan bergantungannya masyarakat terhadap dokumen elektronik semakin bertambah setiap masa. Walaupun dokumen persendirian elektronik diterima sebagai pembuktian seperti dokumen persendirian biasa. Oleh itu, timbul persoalan apakah prinsip kebolehterimaan yang ditetapkan oleh undang-</i></p>

	<p>undang untuk diterima masuk ke dalam Mahkamah. Makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik tersebut berdasarkan Akta 561 dan EKMS Perak 2004. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti perbezaan kaedah pembuktian bagi dokumen persendirian elektronik berdasarkan kedua-dua undang-undang tersebut. Kajian perundangan ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian dokumentasi. Metode analisis yang digunakan adalah analisis kandungan terhadap data-data yang diperolehi terhadap data-data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dalam isu berkaitan dokumen persendirian elektronik. Kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik berdasarkan Akta 561 adalah sama dengan kaedah pembuktian dokumen persendirian biasa seperti pengakuan pembuat dokumen, dua orang saksi dokumen, dua orang saksi tulisan, keterangan pakar dan sumpah. Keadaan ini berbeza dengan kaedah yang ditetapkan dalam EKMS Perak 2004 yang memperuntukkan dua cara iaitu pertama sama seperti Akta 561 dan kedua, peruntukan kaedah khas bagi pembuktian dokumen komputer. Kesimpulannya, kajian ini mendapati wujud perbezaan kaedah yang ditetapkan oleh kedua-dua undang-undang berkaitan pembuktian dokumen persendirian elektronik. Kajian ini mencadangkan agar undang-undang keterangan di semua negeri diseragamkan bagi mengelakkan salah faham akibat perbezaan kaedah pembuktian.</p> <p>Kata kunci: <i>Pembuktian, Dokumen Persendirian Elektronik, Keterangan, Mahkamah Syariah.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Penggunaan dokumen dalam kehidupan masa kini semakin penting seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat. Perkembangan terkini memperlihatkan bahawa penggunaan dan kebergantungan masyarakat terhadap dokumen elektronik semakin bertambah setiap masa. Kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 90% daripada dokumen dalam organisasi adalah dalam bentuk format digital, dan 70% daripada format digital tersebut tidak pernah dicetak.¹ Pihak mahkamah di Malaysia juga telah menangani kes-kes yang berkaitan dengan dokumen dalam bentuk digital sejajar dengan perkembangan kemajuan yang ada pada hari ini. Selain daripada istilah “dokumen elektronik”, ia turut dikenali sebagai dokumen digital atau dokumen komputer, iaitu dokumen yang dihasilkan komputer atau dokumen yang berkaitan dengan komputer. Dengan kata lain, elemen utama dokumen elektronik adalah membuat, menyimpan, memanipulasi atau menghantar dalam digital format dengan kemajuan alat teknologi.² Dokumen elektronik ini merupakan satu perkara baharu yang wujud pada zaman ini dan tidak ada lagi perbincangan hukum-hakam secara khusus berkaitan dengan pemakaian dokumen digital dalam mana-mana kitab fiqh.³

¹ Mursilalaili, M. S., Abdul Rani, K. & Zulfakar R., (2015a). Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, (9)26, 30.

² Mursilalaili, M. S., Abdul Rani, K., Duryana, M., & Zulfakar R., (2015b). Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws. *Pertanika: Journal of Social Science and Humanities*, 23(S), 156.

³ Wan Abdul Fattah, W. I. (2016). Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah. *Jurnal Kanun*, 28(2), 343; Mohamad Azhan, Y., Ahmad 'Azam, M. S., & Mohd Abu, H. A., (2017). Keterangan Dokumen Dalam Bentuk Digital Di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia. *Journal Current Legal Issues*. Bangi: Penerbit UKM. September, 2.

KONSEP DOKUMEN PERSENDIRIAN ELEKTRONIK

Undang-undang Malaysia tidak memberikan sebarang definisi khusus kepada dokumen elektronik ini kecuali untuk perkataan “*electronic*”, “*computer*” dan “*output computer*”.⁴ Sebagai contoh, *The Oxford Dictionary of Computing* mendefinisikan komputer sebagai peranti atau sistem yang mampu menjalankan urutan operasi dengan cara yang jelas.⁵ Walaupun begitu, *Scientific Working Group on Digital Evidence*⁶ pula mentafsirkan dokumen elektronik sebagai maklumat mengenai nilai probatif yang disimpan atau dihantar dalam bentuk digital. Rekod data atau maklumat ini disimpan secara elektronik dalam bentuk digital.⁷

Dokumen komputer merupakan salah satu bentuk dokumen elektronik. Menurut *Kamus Undang-undang* dokumen komputer ialah dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dan boleh diterima di bawah Akta Keterangan Sivil 1968 sebagai bukti sesuatu fakta direkodkan sebagai keterangan lisan yang boleh diterima, asalkan komputer itu telah beroperasi dengan betul pada waktu material itu dibekalkan dengan maklumat yang serupa dengan yang tercatat dalam dokumen.⁸ Selari dengan perbincangan ini, pengkaji juga turut menerima tafsiran dokumen elektronik sebagai apa-apa maklumat atau data yang bernilai dalam penyiasatan yang disimpan, diterima dan dipindahkan melalui peranti elektronik.⁹ Dalam penulisan Wan Abdul Fattah pula menyatakan, dokumen elektronik ialah, “Nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak, disalin atau dihantar atau diterima atau dijadikan sebagai alat komunikasi dengan cara (kaedah) elektronik melalui peralatan elektronik lain dan ia dapat difahami dan dilihat dengan jelas.”¹⁰

Manakala Mursilalaili pula menyatakan bahawa dokumen elektronik merupakan data yang berkaitan dengan peranti elektronik, sama ada dibuat, disimpan, dimanipulasikan atau dihantar dalam format digital. Dengan kata lain, elemen utama dokumen elektronik adalah membuat, menyimpan, memanipulasi atau menghantar dalam digital format dengan kemajuan alat teknologi.¹¹ Dokumen elektronik ini ialah suatu bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik dengan bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan.¹²

Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa dokumen elektronik merupakan semua huruf, nombor atau simbol atau tanda lain yang dinyatakan, digambarkan atau diperihalkan termasuklah apa-apa rakaman visual atau bunyi sama ada dibuat, disimpan, diekstrak, disalin, dihantar, diterima atau dijadikan sebagai alat komunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik lain serta dapat difahami dan dilihat dengan jelas.

Walaupun tidak terdapat sebarang tafsiran khusus berkaitan dengan perkataan dokumen elektronik dalam undang-undang keterangan di mahkamah syariah, namun perkataan elektronik ada disebut secara umum sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian. Seksyen 3¹³ telah memasukkan perkataan “elektronik” sebagai salah satu daripada definisi dokumen. Penggunaan istilah “dokumen” dalam peruntukan ini dilihat

⁴ Nurbazla, I. (2016). *Perbandingan Takrifan Dokumen Elektronik Dalam Akta Keterangan Syariah Dan Akta Keterangan Sivil Di Malaysia*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam. Banda Aceh. Bangi: Penerbit UKM, 93.

⁵ Resali, M. (1998). *Documentary Evidence: It's Application in Court; A Comparative Study between Common Law, Malaysian and Islamic Law*. Tesis Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa, 117.

⁶ Pandangan kumpulan ini boleh diakses di alamat <https://www.swgde.org/> (dicapai pada 19 Mei 2021).

⁷ Mohamad Khairudin, K., & Ahmad, C. Y., (2019). The Integration of Digital Forensics Science and Islamic Evidence Laws. *International Journal of Law, Government and Communication*. Kota Bharu: Global Academic Excellence, 4(17), 63-64.

⁸ n.a. (1995). *Kamus Undang-undang*. t.tp: Oxford Fajar Sdn. Bhd, Cet. 18, 111.

⁹ Mohamad Azhan Yahya et al. *op.cit*, 2.

¹⁰ Muhammad Fawwaz. (2008). *Al-Wajiz fi al-Uqūd al-Tijārat al-Eltroniyyat*. ‘Amman: Dar al- Thaqafah, 204.

¹¹ Mursilalaili M. S et al., *op.cit*, (2015b), 156.

¹² Mohamad Ismail, M. Y. (2006). Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini. *The Journal of Malaysian BAR (INSAF) XXXV*. Kuala Lumpur: Malaysian Bar Council, 1, 3.

¹³ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 3.

telah merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada berbentuk abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk-bentuk yang dinyatakan di atas bertujuan untuk digunakan atau boleh juga digunakan untuk tujuan merekodkan perkara tersebut.

Undang-undang Syariah sebenarnya telah pun mengiktiraf dokumen elektronik sebagai keterangan dokumen dan ia termasuk dalam definisi “dokumen” dalam Akta 561. Selain itu, takrifan keterangan tidak terhad kepada proses manual, malahan boleh diinterpretasikan sebagai penerangan atau penghuraian yang berbentuk automatik, elektronik dan digital. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan peruntukan yang menyatakan sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.¹⁴ Seksyen ini dapat menguatkan lagi dakwaan bahawa mahkamah syariah telah menerima dokumen elektronik sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian.¹⁵ Hal ini diperkukuhkan lagi apabila Akta 561 itu sendiri telah memberikan definisi “komputer” dalam peruntukannya sebagaimana berikut:

“Komputer” ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, ia hendaklah dikira sebagai komputer tunggal.¹⁶

Pengkaji berpandangan definisi dokumen elektronik telah memenuhi definisi dokumen itu sendiri selagi data tersebut dapat dibaca, dapat dilihat dan mengandungi maklumat yang relevan. Selain itu, dokumen elektronik telahpun ditafsirkan sebagai dokumen maka ia hendaklah diterima sebagai keterangan seperti yang disebut dalam peruntukan berikut:

“keterangan” termasuklah-

- (a) bayyinah dan syahadah;
- (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.¹⁷

DOKUMEN PERSENDIRIAN ELEKTRONIK MERUPAKAN *QARĪNAH*

Dokumen persendirian elektronik boleh diterima sebagai kaedah pembuktian di mahkamah berdasarkan hujah bahawa ia adalah sebahagian daripada dokumen. Walau bagaimanapun keterangan dokumen persendirian elektronik tidak boleh diterima sebagai keterangan syahadah kerana keterangan secara syahadah hanya boleh diberikan melalui penyaksian dan hanya boleh diterima dengan syarat yang ketat termasuklah melalui proses *tazkiyat al-syuhūd*. Penerimaan keterangan dokumen persendirian sebagai *qarīnat* ini dibuat berdasarkan dua hujah iaitu:

Penerimaan Keterangan tersebut Adalah Berasaskan Hukum Syarak

Para fuqaha telah membahagikan *qarīnat* kepada beberapa kategori dan setiap kategori dibahagikan berdasarkan ciri-ciri khusus. *Qarīnat* boleh dilihat dari aspek *qarīnat qanūniyyat* dan *qaḍā'īyyat* berdasarkan sumber *qarīnat*. Manakala dari aspek fizikal pula boleh dibahagikan kepada *qarīnat ḥāliyyat* dan *maqāliyyat*, *lafziyyat* atau *ma'nawīyyat*.

¹⁴ *Ibid*, Seksyen 49.

¹⁵ Wan Abdul Fattah, W. I. (2016). *op.cit.*, 343.

¹⁶ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 3.

¹⁷ *Ibid*.

Seterusnya dari aspek hubung kait dengan fakta kes boleh dikategorikan kepada *qarīnat* 'aqliyyat' dan 'urfiyyat'.¹⁸ Pengkaji akan hanya memberi fokus kepada *qarīnat* dari sudut kekuatan pembuktian sahaja dalam kajian ini kerana perbincangan ini berkait rapat dengan tahap kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian elektronik dalam membuktikan sesuatu kes yang dikemukakan di mahkamah.

Dalam hal ini, *qarīnat* yang lemah dianggap sebagai *qarīnat* yang tidak dapat diterima dan ditolak. *Qarīnat* yang diambil kira oleh fuqaha ialah *qarīnat* yang kuat iaitu *qarīnat* yang menyebabkan sesuatu perkara itu diputuskan atau disabitkan, atau tanda dan bukti meyakinkan. Seterusnya, *qarīnat* ialah tanda atau alamat yang sampai ke peringkat yakin. Tahap yakin yang dimaksudkan hanyalah pada tahap *zan al-ghālib* dan bukan yakin yang putus atau tanpa sebarang keraguan langsung. Hal yang demikian adalah kerana tiada keterangan berdasarkan pembuktian, sekalipun ia dianggap kuat, ia tetap tidak terlepas daripada sangkaan.¹⁹

Hanya *qarīnat* yang kuat sahaja yang boleh diterima sebagai satu cara pensabitan alternatif selain daripada *iqrār* dan syahadah. *Qarīnat* yang kuat ini juga disebut *qarīnat zahīrat* dan mampu mencapai tahap *zan al-ghālib* dalam pensabitan satu-satu kes. Ibn Qayyim menegaskan bahawa pembuktian berdasarkan *qarīnat* ini boleh mencapai satu tahap yang lebih tinggi daripada syahadah itu sendiri pada masa-masa tertentu. Menurut beliau dalam syahadah masih ada kemungkinan wujudnya pembohongan sebaliknya pada *qarīnat* tidak ada kebarangkalian sedemikian dan *qarīnat* yang kuat boleh sampai ke tahap yang meyakinkan.²⁰

Hal ini bermaksud *qarīnat* tersebut mestilah dapat menghilangkan keraguan hakim pada peringkat *zan al-ghālib* kerana seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan ia bersalah dan yakin tidak boleh dihilangkan oleh syak. Walaupun begitu, *qarīnat* yang tidak kuat masih boleh dikemukakan kepada hakim pada masa perbincangan. Sekiranya pada pandangan hakim *qarīnat* tersebut kuat, maka ia wajib diterima. Begitu juga sebaliknya, sekiranya hakim mendapati ia *qarīnat* yang lemah, maka ia perlu ditolak. Jika *qarīnat* tersebut didapati tidak jelas dan samar-samar, maka kepastian perlulah dibuat.²¹ Sehubungan dengan perkara ini juga, untuk menyabitkan sesuatu hak atau kesalahan tidak memadai menggunakan satu *qarīnat* sahaja. Dalam keadaan tertentu, *qarīnat* merupakan himpunan kaitan-kaitan peristiwa yang boleh membawa kepada satu kesimpulan. *Qarīnat* yang banyak dan saling berkaitan ini boleh membina atau merumuskan satu kesimpulan yang kukuh dan boleh mencapai ke tahap yakin. Walaupun ada ketikanya satu-satu *qarīnat* itu sifatnya lemah tetapi apabila *qarīnat-qarīnat* yang lemah digabungkan, ia boleh membentuk satu rangkaian *qarīnat* yang kuat dan seterusnya boleh digunakan sebagai suatu pembuktian dalam sesuatu kes.

Pengkaji dapat membuat kesimpulan di sini bahawa hubungan dalam *qarīnat* terbahagi dua iaitu hubungan yang kuat dan hubungan yang lemah sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.²² Berdasarkan keseluruhan pandangan ulama di atas, boleh dirumuskan bahawa keterangan dokumen persendirian boleh diterima sebagai *qarīnat* dalam memutuskan sesuatu kes. Walau bagaimanapun, kedudukan *qarīnat* tidak dapat dipastikan dengan tepat sama ada ia merujuk kepada fakta ataupun keterangan jika dilihat dari sudut perundangan sedia ada. Sehubungan dengan perkara ini, kebanyakan ulama memasukkan *qarīnat* sebagai salah satu bentuk keterangan yang boleh membuktikan sesuatu fakta.²³

¹⁸ Lukman, A. M., & Wan Abdul Fattah, W. I., (2012). Al-Qarīnah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina). *International Journal Of Islamic Thought*, 2, 39.

¹⁹ Al-Bahā'i, A. A. M. (1965). *Min Ṭurūq al-Ithbāt fī al-Syarī'ah wa fī al-Qānūn*. Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi, 74.

²⁰ Ahmad Azam, M. S., (2014). Jenayah Moral dan Kesusilaan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian Kes melalui Qarīnah Rakaman Foto dan Video Digital. *1 LNS (A)*. p. xvi.

²¹ Mahmud Saedon, A. O., (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP, 138.

²² Al-Zuhayli, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr, 6127-6128.

²³ Ruzman, M. N. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarīnah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 361.

Penerimaan Dokumen Persendirian Sebagai *Qarīnat* Boleh Dilihat Dari Sudut Undang-Undang

Qarīnat menurut pandangan ahli undang-undang sebenarnya tidak jauh bezanya dengan definisi yang diberikan oleh ulama fiqh. Hal yang demikian adalah kerana *qarīnat* merupakan satu dalil atau bukti yang dikeluarkan oleh kadi dari perkara yang diketahui bahawa wujudnya perkara yang tersembunyi. Oleh itu, *qarīnat* hanya dikira dalil tidak langsung terutamanya *qarīnat qadā'iyat*.²⁴ *Qarīnat* dalam bahasa perundangan bererti sebagai suatu andaian atau anggapan.²⁵ Akta 561 mendefinisikan *qarīnat* sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam Akta.²⁶ *Qarīnat* yang diterima pakai berdasarkan Akta 561 boleh dibahagikan kepada tiga (3) keadaan sebagaimana berikut:

Pertama: *qarīnat* yang bersifat umum, iaitu yang merangkumi *al-'alāmāt (qarīnat lafziyat)* dan *al-amārāt (syawāhid al-hāl)*. *Qarīnat* jenis ini merujuk kepada definisi bayyinah dalam undang-undang iaitu "keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarīnat*. *Qarīnat* ini juga dikenali sebagai *circumstantial evidence* dalam perundangan Barat dan *common law*."²⁷

Kedua: *qarīnat* yang merujuk kepada "kaitan atau relevan" (*relevancy*) sekiranya dirujuk kepada Akta Keterangan 1950. *Qarīnat* kategori inilah yang merujuk kepada tafsiran *qarīnat*.²⁸ *Qarīnat* jenis ini juga merangkumi peruntukan Seksyen 5 hingga Seksyen 42 dalam undang-undang keterangan sedia ada.²⁹ Dengan erti kata lain, undang-undang mentafsirkan *qarīnat* sebagai fakta yang relevan dalam sesuatu kes. *Qarīnat* kategori ini dinyatakan secara terperinci dalam undang-undang yang diguna pakai pada masa kini. Sebagai contoh, keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai kewujudan atau sebaliknya tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai *qarīnat*, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain.³⁰

Ketiga: *Qarīnat* kategori ketiga pula dikenali sebagai anggapan atau andaian. Dalam Akta Keterangan 1950 mengklasifikasikan kategori ini kepada dua, iaitu anggapan berbentuk fakta dan anggapan undang-undang. Anggapan fakta dapat difahami sebagai, apabila satu fakta asal dibuktikan maka anggapan boleh dibuat mengenai wujudnya satu fakta yang lain. Manakala anggapan undang-undang ialah anggapan yang dibuat berdasarkan undang-undang.³¹ Mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, mahkamah boleh sama ada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.³² Selain itu, mahkamah juga boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkannya mungkin telah berlaku, setelah mengambil perhatian akan perjalanan biasa kejadian semula jadi, kelakuan manusia, dan urusan awam dan persendirian, dalam hubungannya dengan fakta kes yang tertentu itu.³³

Anggapan undang-undang pula telah diperuntukkan dalam beberapa keadaan antaranya mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti

²⁴ Mahmud, M. H. (1988). *Al-Qada' wa Nizām al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Islāmī wa Anzīmat wa al-Wad'iyyat*. Riyadh: Mamlakah al-'Arabiyyat al-Sa'udiyyat: Jami'at al-Malik al-Saud, 439.

²⁵ n.a. (1983). *Faruqi's Law Dictionary*. Bayrut: Librairie Du Liban. 270.

²⁶ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 3.

²⁷ *ibid*.

²⁸ Zulfakar, R. (2007). *Al-Qarīnah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah*. Dlm: Nasimah Hussin et al., Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil. 13, 189.

²⁹ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561).

³⁰ *ibid*. Seksyen 5.

³¹ Jal Zabdi, M. Y. (2003). *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 187.

³² Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 4(1).

³³ *ibid*. Seksyen 82.

sebaliknya.³⁴ Peruntukan sebelum ini memperuntukkan perkara berkaitan dengan anggapan undang-undang yang boleh dipatahkan. Penggunaan *qarīnat* dalam aplikasi Akta 561 dan EKMS Perak 2004 boleh dikategorikan kepada tiga (3) jenis.

Pertama: penggunaan *qarīnat* yang bersifat umum berupa *al-amārāt*, *al-'alāmāt* dan *syawāhid al-ḥāl*, atau dikenali sebagai keterangan berdasarkan keadaan. *Qarīnat* jenis ini digunakan untuk mentafsirkan maksud “bayyinah” yang dinyatakan dalam Akta 561. Hal ini boleh dilihat pada Seksyen 3 dalam akta yang sama.

Kedua: penggunaan *qarīnat* yang merujuk kepada “kaitan” atau “relevan”. Tafsiran “*qarinah*” pada Seksyen 3 dalam Akta 561 merujuk kepada fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi. Kebanyakan *qarīnat* dalam akta ini membawa maksud tersebut.

Ketiga: penggunaan *qarīnat* yang dikenali sebagai anggapan atau andaian, atau dikenali sebagai pembuktian berdasarkan anggapan. Hal ini dinyatakan dalam Seksyen 4, 80, 81 dan 82 dalam Akta 561.

Berdasarkan perbincangan ini, pengkaji boleh membuat rumusan bahawa tidak syak lagi keterangan yang diperoleh daripada dokumen persendirian elektronik ini boleh diterima sebagai *qarīnat* dan digunakan untuk memutuskan sesuatu kes. Dokumen persendirian sebagai *qarīnat* boleh diterima sama ada secara bersendirian sekiranya ia kuat, ataupun dihindungkan bersama *qarīnat-qarīnat* lain atau bayyinah sekiranya ia lemah. Walaupun demikian perlu difahami bahawa penerimaan tersebut hendaklah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan.

KONSEP PEMBUKTIAN DOKUMEN PERSENDIRIAN ELEKTRONIK

Pembuktian dalam bahasa Arab dikenali sebagai *ithbāt* yang bermaksud tetap dan berterusan.³⁵ Ia berasal daripada kata nama “bukti” yang bermaksud perihal membuktikan melalui perbuatan, usaha dan sebagainya.³⁶ Manakala pembuktian menurut istilah adalah mengemukakan bukti kepada mahkamah melalui cara yang ditetapkan oleh syarak ke atas suatu hak atau kes yang berlaku ke atasnya kesan hukum syarak³⁷ Pembuktian ialah cara untuk menjelaskan perkara yang sabit dan menyatakan hakikat yang sebenar oleh pihak yang mendakwa³⁸ Apabila bukti yang dikemukakan itu kukuh maka kes yang hendak disabitkan itu hampir kepada kejadian yang sebenar dan hukuman juga akan dibuat dengan lebih tepat.³⁹ Pembuktian menurut undang-undang pula adalah mengemukakan dalil di hadapan hakim melalui saluran yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi membuktikan wujudnya kes yang dipertikaikan atau dibicarakan⁴⁰ dan akan wujud kesannya.⁴¹

Pembuktian dalam konteks prosiding mahkamah ialah proses mengemukakan bukti terhadap satu-satu dakwaan kepentingan yang dibuat dalam majlis kehakiman dengan menggunakan cara atau saluran yang diharuskan syarak, yang akan memberi kesan dari segi perundangan ke atas dakwaan tersebut.⁴² Perkataan pembuktian tidak diberikan sebarang tafsiran dalam undang-undang keterangan yang terpakai di seluruh mahkamah syariah. Namun Seksyen 3(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ada memperuntukkan peruntukan yang menjelaskan tentang telah dibuktikan atau tidak terbukti seperti yang berikut:

- (a) suatu fakta dikatakan “terbukti sebaliknya” apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu tidak wujud atau berpendapat ketakwujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin

³⁴ *ibid.* Seksyen 4(2).

³⁵ Jubran, M. (1990). *Al-Rāid Mu'jam Lughāwi 'Asrī*. Beirut. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyin. Vol. 1. Cet. 6, 481.

³⁶ n.a. (2000). *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 183.

³⁷ Imad, M. R. (1999). *Hujjiyat al-Syahadat fi al-Ithbat al-Jaza'iy*. Ammān Jordān: Maktabat al-Thaqafat, 13.

³⁸ Mohd Salleh, A. (2005). *Risalat Ahkam*. Selangor: Intel Multi Media and Publication. Cet. 1, 50.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Ahmad Ibrahim, B. (1985). *Turūq al-Ithbat al-Syar'iyyat*. t.tp: t.pt. Cet. 3, 25.

⁴¹ al-Sanhuri, A. R. A., (n.d). *Al-Wasit fi Syarḥ al-Qānūn al-Madānī al-Jadīd*. Beirut. Lubnān: Dār al-Iḥya' al-Turāth al-'Arābī. Vol. 2, 16.

⁴² Md. Amin, A. R., (2005). *Pembuktian dalam Syariat Islam*. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, 2.

- sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu tidak wujud;
- (b) sesuatu fakta dikatakan “tidak terbukti” apabila fakta itu tidak “terbukti” atau tidak “terbukti sebaliknya” mengikut Akta ini;
- (c) sesuatu fakta dikatakan “terbukti” apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu wujud atau berpendapat bahawa kewujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu wujud.⁴³

Berdasarkan tafsiran tersebut, kita boleh memahami bahawa tujuan pembuktian adalah untuk membolehkan mahkamah percaya atau berpegang kepada pendapat berkaitan dengan tindakan seseorang. Kepercayaan mahkamah ini sama ada ke atas keseluruhan kes atau ke atas fakta-fakta tertentu yang didakwa wujud atau tidak wujud oleh pihak-pihak dalam perbicaraan.⁴⁴ Dengan kata lain, pembuktian itu merupakan suatu proses yang berjalan bagi membuktikan kewujudan atau tidak wujud sesuatu fakta menggunakan keterangan yang diiktiraf syarak.

Beban Bukti

Beban bukti adalah *mentaklifkan* salah seorang yang berbalah mengemukakan hujah dan dalil terhadap dakwaannya.⁴⁵ Beban pembuktian merupakan satu hujah atau alasan yang kuat dan kukuh bagi membuktikan sesuatu perkara yang menjadi titik perselisihan. Beban bukti merupakan tanggungjawab yang terletak pada pihak yang berkaitan dengan sesuatu fakta yang menjadi isu yang mesti ditunaikan jika pihak tersebut ingin memenangi isu yang dipertikaikan.⁴⁶ Beban pembuktian dikatakan sebagai beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan yang bersesuaian, dengan perkataan beban bermaksud tanggungjawab, kewajipan atau tugas dari sudut undang-undang.⁴⁷ Beban pembuktian ialah frasa yang digunakan untuk menerangkan tugas yang terletak ke atas satu-satu pihak untuk mewujudkan satu kes atau satu fakta.⁴⁸

Rupert Cross menyatakan bahawa beban pembuktian merupakan satu tugas untuk mengeluarkan keterangan pada permulaan kes melalui perbicaraan dan kemudian ditutup dengan hujah bagi membuktikan kebenaran, dan beban ini merupakan suatu beban yang penting dalam undang-undang keterangan. Beban bukti merujuk kepada satu kaedah umum yang memerlukan seseorang membuktikan kes atau sebarang fakta yang ditegaskan dalam prosiding jenayah atau mal. Orang tersebut dikatakan menanggung beban bukti apabila seseorang itu terikat untuk membuktikan kewujudan atau tidak wujudnya satu-satu fakta (tertentu) atau membuktikan keseluruhan.⁴⁹ Contoh bagi pernyataan ini adalah sebagaimana yang terdapat dalam kes antara *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid*,⁵⁰ dengan Panel Rayuan memutuskan maksud sebenar dan beban pembuktian Seksyen 84 (c) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 bahawa beban pembuktian hendaklah diletakkan ke atas pihak Defendan kerana asas dakwaan

⁴³ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 3(2).

⁴⁴ Ruzman, M. N. (2007). Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(1), 31-32.

⁴⁵ Al-Zuhayli, M. (1982). *Wasāil Ithbāt*. Beirūt: Maktabaḍ Dār al-Bayān. Vol. 2, 646.

⁴⁶ Siti Zalikah, H. M. N. (2006). *Beberapa Aspek dalam Undang-undang Keterangan Islam*. Dlm: Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam. Siti Zalikah Haji Md Nor et al. (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Vol. 3, 4.

⁴⁷ Zulfakar Ramlee Saad. (2015). Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Kanun*, 123.

⁴⁸ Abdul Halim, Z. (2019). Beban Pembuktian dalam Kes Mal menurut Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia. 1 *LNS (A)* xxxi. pp. 1-2.

⁴⁹ Rupert, C. (1990). *Cross on Evidence*. London: Butterworths. 7th Ed., 123.

⁵⁰ *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid* [2014] 2 JH 38 at 39-62.

telah timbul dari pihak Defendan dan dakwaan hendaklah selaras dengan fakta yang dikemukakan.”

Pemakaian beban pembuktian ada di peruntukan di dalam Seksyen 72, Seksyen 73 dan Seksyen 74 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Sebenarnya, beban bukti yang dinyatakan dalam seksyen-seksyen tersebut adalah merujuk kepada dua bentuk beban bukti yang boleh dijelaskan seperti yang berikut:

a. Beban Perundangan Atau Pembuktian Kes Keseluruhannya (*Legal Burden*)

Beban ini secara prinsipnya ditanggung oleh pihak pendakwa syarie dalam kes jenayah, dan ditanggung oleh plaintif dalam kes mal. Mana-mana individu atau pihak-pihak yang berhasrat atau berkehendak agar mahkamah memberikan penghakiman tentang sebarang hak atau tanggungan di sisi undang-undang berdasarkan satu-satu fakta tertentu mestilah membuktikan fakta yang ditegaskan itu wujud. Beban membuktikan kewujudan apa-apa fakta hendaklah terletak pada orang itu apabila orang itu menegaskan fakta itu wujud.⁵¹ Beban ini merupakan tanggungjawab yang dikenakan kepada satu pihak untuk membuktikan kewujudan sesuatu fakta. Ia juga dikenali sebagai *burden of persuasion* iaitu tanggungjawab satu pihak untuk meyakinkan mahkamah akan kewujudan sesuatu fakta.⁵²

Beban ini merupakan satu beban untuk melahirkan kes dalam keadaan beban ini tidak berpindah atau berubah kepada pihak yang lain. Undang-undang itu sendiri yang menentukan fakta yang menjadi persoalan itu telah dibuktikan atau dibuktikan sebaliknya dalam keadaan tersebut. Beban jenis ini sebenarnya agak sukar atau sedikit berat berbanding dengan beban mengemukakan keterangan.⁵³ Walau bagaimanapun, dengan istilah yang digunakan seperti “beban membuktikan kes”; “beban membuktikan fakta”; dan “beban mengemukakan keterangan” pada ketiga-tiga seksyen, iaitu Seksyen 72, 73 dan 74, hal ini sebenarnya boleh menimbulkan kekeliruan mengenai tanggungjawab pihak yang perlu memikul beban pembuktian.⁵⁴

b. Beban Mengemukakan Keterangan (*Evidentiary Burden*)

Beban mengemukakan keterangan bermaksud tanggungjawab mengemukakan keterangan untuk menafikan dan menimbulkan keraguan terhadap setiap fakta persoalan bagi kes mal dan memberikan keterangan yang boleh meragukan kes pendakwa dalam kes jenayah. Beban ini merujuk kepada beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada keterangan diberikan oleh mana-mana pihak.⁵⁵ Beban ini tidak berada secara tetap kepada mana-mana pihak.⁵⁶ Beban ini merupakan beban untuk membuktikan dengan mengemukakan keterangan bagi menyokong sesuatu fakta yang ditegaskan. Beban pembuktian ini berbeza dengan pembuktian undang-undang yang mana beban pembuktian keterangan adalah tidak tetap dengan ia boleh berubah dari satu pihak kepada satu pihak yang lain.

Penjelasannya boleh dilihat dalam kes *Rajamah Mohamad lwn Abdul Wahab Long*,⁵⁷ iaitu isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Selangor sama ada permohonan Responden untuk berpoligami boleh diluluskan, ataupun sebaliknya. Mahkamah memutuskan bahawa beban bukti terletak kepada Responden untuk menunjukkan bahawa dia mampu menyara atau memelihara lebih daripada seorang isteri.

⁵¹ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 73.

⁵² Abdul Rahman, M. (1988). *Prinsip Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, 109.

⁵³ *Ibid*, 109.

⁵⁴ Zulfakar, R. (2015). *Ibid*, 122.

⁵⁵ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 74.

⁵⁶ Ruzman, M. N. & Istajib, M. (2011). Ulasan Kes dari aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain. *Jurnal Kanun*, 26(2), 131.

⁵⁷ *Rajamah Mohamad lwn Abdul Wahab Long* [1991] 8 JH 171.

Beban Bukti Kewujudan Dokumen Persendirian Elektronik

Dalam konteks beban bukti kewujudan suatu dokumen persendirian elektronik, orang yang mendakwa kewujudan dokumen tersebut hendaklah memegang beban pembuktian berkaitan dengan dakwaannya itu. Prinsip ini telah diperkukuhkan dalam kes *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi*⁵⁸. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan Perayu menyatakan Perayu-Perayu merupakan orang yang mendakwa tentang fakta wujudnya dokumen Surat Cara Hibah iaitu suatu fakta yang asalnya tidak wujud berdasarkan *maksim fiqh* yang dinyatakan dalam penghakiman kes Rosmah bt. Suly. Oleh itu, beban untuk membuktikan bahawa dokumen surat cara-surat cara hibah tersebut wujud atau tidak adalah terletak di bahu Perayu-Perayu dan bukannya Responden-Responden. Atau dengan kata lain, Perayu-Perayulah yang bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen asal surat cara-surat cara hibah semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah. Di sini boleh dirumuskan bahawa sekiranya seseorang mendakwa tentang kewujudan sesuatu dokumen persendirian elektronik maka beban untuk membuktikan dokumen tersebut wujud adalah terletak kepada orang itu.

Pembuktian Dokumen Persendirian Elektronik

Perbincangan berkaitan kebolehterimaan dokumen persendirian elektronik ini dimulakan dengan merujuk kepada satu kes yang sering menjadi rujukan para pengkaji berkaitan dengan penerimaan atau pemakaian dokumen elektronik di mahkamah syariah iaitu kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan*.⁵⁹ Plaintiff dalam kes ini mendakwa telah memberikan pinjaman sebagai modal perniagaan berjumlah DS62,800.00 kepada Defendan semasa dalam tempoh perkahwinan mereka. Plaintiff menuntut Defendan menjelaskan bayaran bagi baki pinjaman itu yang masih belum dijelaskan kepadanya. Plaintiff tidak mengemukakan sebarang bukti sama ada dalam bentuk surat, perjanjian atau kontrak (*'aqad*) untuk mengatakan bahawa jumlah DS62,800.00 telah diberikan sebagai pinjaman atau hibah tetapi hanya mengemukakan cek berjumlah DS20,000.00 sebagai dokumen yang menunjukkan bahawa Defendan telah pun membayar sebahagian daripada hutang tersebut. Pada peringkat Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Bicara memutuskan untuk menerima cek tersebut sebagai bukti bayaran berdasarkan *qarīnah*. Namun pada peringkat rayuan kes ini diputuskan untuk didengar semula dengan mengemukakan saksi yang dapat menyokong resit dan cek yang dibawa sebagai bukti dalam kes ini. Ini jelas menggambarkan wujudnya kekeliruan berkaitan dengan pengaplikasian dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah.

Para pengkaji kes ini menyatakan bahawa keputusan kes ini menunjukkan mahkamah syariah tidak menerima dokumen elektronik sebagai keterangan sedangkan dokumen elektronik telah diiktiraf sebagai keterangan primer. Sebahagian pengkaji menyatakan keputusan kes ini telah menyebabkan kekeliruan dalam pengaplikasian dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik ini.⁶⁰ Pengkaji mendapati anggapan ini timbul oleh salah faham terhadap prinsip penerimaan dokumen persendirian yang dilaksanakan oleh mahkamah syariah. Salah faham ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian yang menunjukkan sebahagian pengamal Undang-undang Syariah berpandangan keterangan dokumen elektronik ini memadai untuk dibuktikan melalui pengemukaan dokumen asal, manakala sebahagian lain berpandangan kesahihan dan ketulenannya hendaklah dibuktikan dengan memanggil saksi pakar sebagai keterangan sokongan.⁶¹

Pengkaji mempunyai pendapat yang berbeza dengan para pengkaji tersebut dan mendapati kedua-dua peringkat mahkamah sebenarnya menerima dokumen elektronik sebagai keterangan namun mereka berbeza dari sudut kaedah pembuktian dokumen

⁵⁸ Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi [2016] 1 JH 42 at 88.

⁵⁹ Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan [2005] 4 ShLR 108.

⁶⁰ Mohamad Azhan, Y., Ahmad Azam, M. S., Azizah, M. S., & Fatimah, Y. I., (2020). Pengemukaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan dalam Perbicaraan Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 27, 59-60.

⁶¹ *Ibid*, 59.

persendirian elektronik tersebut. Hakim Bicara berpendapat bahawa bersesuaian dengan Seksyen 49 Akta 561, dokumen tersebut hendaklah dianggap sebagai dokumen primer dan keterangan saksi lain tidak diperlukan, atau pembuat dokumen dipanggil untuk mengesahkan dokumen tersebut. Manakala Hakim Mahkamah Rayuan Syariah pula berpendapat bahawa dokumen tersebut hendaklah dibuktikan berdasarkan prinsip umum penerimaan dokumen persendirian yang mensyaratkan pembuat dokumen dipanggil atau disokong oleh keterangan saksi lain. Pandangan berdasarkan prinsip dokumen persendirian termasuklah elektronik adalah *qarīnah* namun undang-undang telah menetapkan kaedah tertentu yang perlu dipatuhi seperti Seksyen 56 Akta 561 sebelum boleh diterima sebagai keterangan berdasarkan prinsip keterangan terbaik. Sekiranya pihak-pihak gagal memenuhi ketetapan undang-undang, maka dokumen tersebut tidak boleh diterima kerana hanya dokumen yang terbukti tulen dan kandungannya sah sahaja yang diterima sebagai bukti atau *qarīnah*.

Persoalannya, bagaimanakah pembuktian dokumen persendirian elektronik yang sebenarnya dan diiktiraf oleh akta atau enakmen atau ordinan negeri-negeri? Pengkaji merujuk kepada dua jenis undang-undang keterangan dalam usaha mencari jawapan bagi persoalan ini iaitu Akta 561 yang turut mewakili akta, enakmen atau ordinan yang tidak mempunyai peruntukan seperti Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950. Kedua, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (EKMS Perak) iaitu enakmen yang telah memasukkan peruntukan tersebut enakmen yang telah memasukkan peruntukan tersebut.⁶²

PEMBUKTIAN DOKUMEN PERSENDIRIAN ELEKTRONIK BERDASARKAN AKTA 561

Keterangan hanya boleh diterima jika dokumen tersebut boleh diterima secara sah semasa perbicaraan.⁶³ Undang-undang telah menetapkan kaedah pembuktian dokumen dalam menentukan penerimaan kewujudan sesuatu dokumen dan kandungan dokumen persendirian elektronik. Dalam konteks Akta 561, kaedah yang digunakan untuk membuktikan dokumen persendirian elektronik adalah sama sahaja dengan kaedah yang digunakan untuk membuktikan dokumen persendirian biasa. Hal ini kerana Akta 561 hanya memperuntukkan Seksyen 56 sahaja sebagai satu-satunya kaedah bagi pembuktian dokumen persendirian tidak kira samada elektronik atau biasa.

Pertama, dokumen yang dikemukakan itu hendaklah melalui keterangan primer bagi membuktikan keberadaannya dan kewujudannya. Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah.⁶⁴ Dokumen primer ialah dokumen asal atau dokumen utama iaitu dokumen yang dinyatakan oleh orang yang terlibat dalam kandungan dan isi kandungannya, dan pembuatnya hanya menyatakan apa yang didengar oleh seseorang.⁶⁵ Dalam kes *Lucas Iwn Williams & Sons*,⁶⁶ keterangan primer didefinisikan sebagai keterangan yang secara undang-undang perlu diberi prioriti manakala keterangan sekunder pula didefinisikan sebagai keterangan yang diberikan apabila ketiadaan keterangan primer dengan sebab yang munasabah.

Dalam konteks perbahasan ini, pemakaian prinsip keterangan terbaik hendaklah terpakai dalam pembuktian dokumen persendirian iaitu dokumen mestilah dibuktikan dengan keterangan primer.⁶⁷ Dalam kes *Soo Boon Siong v Saw Fatt Seong & Ors*,⁶⁸ mahkamah memutuskan bahawa ia merupakan satu peraturan yang kukuh juga terdapat pengecualian yang menghendaki bahawa apabila keterangan dokumen yang dikemukakan, keterangan primer bagi dokumen itu, iaitu pengemukaan dokumen asal itu sendiri adalah penting.

⁶² Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Enakmen No. 8 Tahun 2004).

⁶³ Richard May. (1995). *Criminal Evidence*. London: Sweet & Maxwell, 8.

⁶⁴ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 49.

⁶⁵ Arbouna, M. B. (1999). *Islamic Law of Evidence: The Function of Official Documents in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, 22.

⁶⁶ *Lucas Iwn Williams & Sons* [1892] 2 QB 113.

⁶⁷ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 51.

⁶⁸ *Soo Boon Siong v Saw Fatt Seong & Ors* [2008] 1 CLJ 365.

Perkara ini juga ditekankan dalam kes *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman*,⁶⁹ Panel Rayuan memutuskan orang yang paling penting untuk mengesahkan suatu tandatangan yang diturunkan dalam suatu dokumen adalah pembuat dokumen.

Hakikatnya pengemukakan dokumen itu bukanlah untuk membuktikan kandungannya tetapi untuk membuktikan keberadaan atau kewujudannya. Sehubungan dengan perkara ini dalam kes *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi*,⁷⁰ mahkamah pada peringkat rayuan memutuskan tatacara pembuktian dokumen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 56 tersebut hanya boleh dibuat sekiranya dokumen asal telah dikemukakan untuk pemeriksaan dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah. Namun, dokumen asal Surat Cara Hibah yang didakwa tidak pernah dikemukakan dan adalah mustahil untuk membuktikan kesahihan kandungan sesuatu dokumen sedangkan kewujudan dokumen itu sendiri tidak dapat dipastikan.

Sebelum kandungan dokumen dapat dibuktikan, Hakim Bicara hendaklah memastikan bahawa dokumen itu sendiri dapat diterima dan penerimaan dokumen itu sendiri merupakan persoalan undang-undang.⁷¹ Perkara ini bersesuaian dengan pendapat mahkamah dalam kes *Haslina binti Mohd. Akhlar lwn Md. Salbakurana bin Misran*,⁷² Mahkamah berpendapat bahawa pembuktian kandungan dokumen dengan keterangan primer perlulah memenuhi ciri-ciri berikut:

- (a) Dokumen asal dikemukakan ke Mahkamah bagi tujuan pemeriksaan,
- (b) Pembuat dokumen mesti dipanggil untuk membuktikan dokumen tersebut, berdasarkan prinsip *best evidence rule*,
- (c) Pihak yang mengemukakan dokumen bertanggungjawab untuk membuktikan dokumen secara teratur dan membuat penandaan,
- (d) Sekiranya dokumen telah ditandatangani atau ditulis oleh seseorang individu, maka, tandatangan atau tulisan perlu dibuktikan bahawa ia adalah milik seseorang individu tersebut, dan
- (e) Dokumen yang tidak dibuktikan secara teratur perlulah diabaikan penerimaannya oleh Mahkamah.

Selain keterangan primer, kandungan dokumen boleh dibuktikan dengan keterangan sekunder.⁷³ Namun penerimaan keterangan sekunder dalam pembuktian dokumen persendirian terhad setakat perkara yang disebut oleh undang-undang keterangan sahaja. menyenaraikan hal-hal apabila keterangan sekunder boleh dikemukakan bagi menggantikan keterangan primer.⁷⁴ Contoh bagi penjelasan ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam kes *KPM Khidmat Sdn. Bhd. lwn Tey Kim Sue*,⁷⁵ yang mana Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut:

Sekiranya Responden menghendaki agar mahkamah bergantung kepada ringkasan akaun (di ms 117-121 rekod rayuan) tersebut, responden hendaklah membuktikan dan memuaskan hati mahkamah bahawa buku rekod tersebut telah hilang untuk membolehkan keterangan atau dokumen sekunder yang berkaitan dengan buku tersebut diterima.

⁶⁹ *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman* [2014] 1 JH 39 at 32.

⁷⁰ *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel bin Sulaiman & Seorang Lagi*. Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang. Kes Rayuan No.: 07200-044-0270-2010. (Tidak dilaporkan).

⁷¹ *Au King Chor lwn PP* [1985] 1 MLJ 216.

⁷² *Haslina Binti Mohd. Akhlar lwn Md. Salbakurana Bin Misran* [2018] 3 LNS 10.

⁷³ *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)* 1997. (Akta 561). Seksyen 48.

⁷⁴ *Ibid*, Seksyen 52.

⁷⁵ *KPM Khidmat Sdn. Bhd. lwn Tey Kim Sue* [1994] 2 MLJ 627.

Begitu juga dalam kes *Azlinda binti Wahab lwn Fazley Zulfikar bin Ismail*,⁷⁶ mahkamah telah menyatakan emandangkan penyata akaun bank Maybank Anak tersebut adalah salinan, maka, Seksyen 48 EKMSNS 2003 perlu dibaca bersama dengan Seksyen 52 EKMSNS 2003, yang menggariskan keadaan-keadaan yang membolehkan kandungan dokumen dibuktikan melalui keterangan sekunder.

Pembuktian keterangan dokumen persendirian melalui pengemukakan keterangan sekunder hanya boleh dibuat setelah pihak yang hendak mengemukakan dokumen itu membuktikan bahawa saksi yang hendak memberi keterangan itu bukan sahaja telah melihat dokumen itu tetapi juga telah membacanya.⁷⁷

Keterangan dokumen sekunder boleh diberikan mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen dan boleh diterima sebagai keterangan. Pihak yang ingin mengemukakan dokumen sekunder hendaklah membuktikan terlebih dahulu kerelevanan dokumen tersebut kepada mahkamah.⁷⁸ Kerelevanan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Apabila dokumen asal dibuktikan atau didapati berada dalam milik atau di bawah kuasa orang yang terhadapnya dokumen itu hendak dibuktikan; dan mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakannya dan notis di bawah Seksyen 53 diserahkan kepada orang itu, namun orang itu tidak mengemukakan. Pembuktian pelaksanaan notis tersebut hendaklah ditunjukkan kepada mahkamah sebelum dokumen sekunder tersebut boleh dikemukakan.⁷⁹
- (b) Apabila kewujudan, keadaan atau kandungan dokumen asal telah dibuktikan sebagai diakui secara bertulis oleh pihak lawan atau wakilnya yang diakui secara bertulis di hadapan Hakim atau Pesuruhjaya Sumpah yang beragama Islam.⁸⁰ Hal ini kerana pengakuan tersebut sudah memadai dan fakta tersebut boleh diterima dan tidak perlu dibuktikan.⁸¹
- (c) Apabila dokumen asal itu telah musnah atau hilang, atau apabila pihak yang menawarkan keterangan mengenai kandungannya tidak dapat mengemukakannya dalam masa yang munasabah kerana apa-apa sebab lain yang tidak berbangkit daripada kemungkiran atau keabaiannya sendiri. Ia mesti dibuktikan bahawa pencarian yang bersungguh-sungguh telah dibuat untuk mencari dokumen asal.⁸² Prinsip ini diputuskan dalam kes *Tan Hian Tsin lwn PP*,⁸³ apabila mahkamah menerima keterangan dokumen sekunder tersebut dalam bentuk salinan fotostat setelah mahkamah berpuas hati bahawa carian yang mencukupi telah dibuat dan yang asli tidak dapat dijumpai.
- (d) Keterangan dokumen persendirian sekunder boleh diterima apabila dokumen asal itu adalah sebegitu keadaannya hingga ia tidak boleh dialih dengan mudah.⁸⁴
- (e) Apabila dokumen asal merupakan dokumen awam dalam definisi yang dimaksudkan dalam Seksyen 57. Seksyen ini hanya membenarkan salinan diakui benar sahaja boleh diterima dan bukan dokumen sekunder jenis yang lain.⁸⁵
- (f) Apabila dokumen asal merupakan dokumen yang salinannya diperakui dibenarkan oleh tindakan tersebut atau oleh undang-undang lain yang berkuat kuasa buat masa ini di Malaysia untuk diberikan sebagai keterangan. Peruntukan ini hanya membenarkan salinan yang disahkan kerana dinyatakan dengan jelas dan jelas

⁷⁶ *Azlinda Binti Wahab lwn Fazley Zulfikar Bin Ismail* [2018] 3 LNS 9.

⁷⁷ Jal Zabdi, M. Y. (2003). *op.cit.* 162.

⁷⁸ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 51.

⁷⁹ *Ibid.* Seksyen 52(1)(a).

⁸⁰ *Ibid.* Seksyen 52(1)(b).

⁸¹ *Ibid.* Huraian 3. Seksyen 45.

⁸² *Ibid.* Seksyen 52(1)(c).

⁸³ *Tan Hian Tsin lwn PP* [1979] 1 MLJ 73 (FC)

⁸⁴ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 52(1)(d).

⁸⁵ *Ibid.* Seksyen 52(1)(e).

dalam Seksyen 52(2)(c). Peruntukan ini hendaklah dibaca bersama Seksyen 59, Seksyen 60, Seksyen 61 dan Seksyen 68.⁸⁶

- (g) Apabila dokumen asal itu terdiri daripada berbagai keterangan atau dokumen lain yang tidak boleh diperiksa dengan mudahnya di mahkamah, dan fakta yang hendak dibuktikan itu ialah kesimpulan am mengenai kesemuanya itu.⁸⁷ Keterangan boleh diberikan tentang kesimpulan am mengenai dokumen itu oleh mana-mana orang yang telah memeriksanya dan yang mahir dalam pemeriksaan dokumen sedemikian.⁸⁸ Lebih jauh lagi bahawa mana-mana orang dalam peruntukan ini merujuk kepada pakar tetapi pakar ini tidak dapat membuat laporan bertulis tetapi dia mesti hadir untuk memberikan laporan lisan.⁸⁹

Kedua, sebelum Mahkamah menerima kemasukan dokumen tersebut ke dalam Mahkamah, kandungan dokumen persendirian elektronik tersebut hendaklah dipastikan sah dan benar. Kaedah pembuktian yang ditetapkan oleh undang-undang adalah seperti berikut:

Pengakuan Pembuat Dokumen

Sekiranya pembuat dokumen tersebut mengakui dan tidak menafikan berkaitan dokumen persendirian elektronik tersebut maka ia dipanggil sebagai suatu pengakuan atau ikrar.⁹⁰ Ikrar merupakan pengakuan yang dibuat oleh seseorang sama ada secara bertulis, lisan atau isyarat. Ikrar boleh dibuat sama ada di dalam mahkamah atau di luar mahkamah mengikut syarat-syarat ikrar dalam hukum syarak. Sesuatu ikrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan merupakan *qarīnah* atau relevan.⁹¹ Pengakuan ini hendaklah mengikat pembuat dokumen yang biasanya merupakan pemberi hibah, bersesuaian dengan Seksyen 17 Akta 561 itu sendiri.⁹² Perkara yang disebutkan ini merupakan kaedah keterangan yang terbaik dalam membuktikan kewujudan, kesahihan dan ketulenan dokumen persendirian elektronik tersebut. Namun sekiranya pembuat dokumen menafikan atau enggan mengakui bahawa dokumen tersebut adalah dibuat olehnya maka beban membuktikan terletak kepada orang yang mendakwa tersebut untuk membuktikan dakwaannya.

Dua Orang Saksi Dokumen

Sekiranya pembuat dokumen tersebut meninggal dunia atau menafikan dokumen tersebut dibuat olehnya maka kewujudan dokumen persendirian tersebut boleh dibuktikan melalui keterangan dua (2) orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut. Saksi-saksi tersebut juga boleh mengesahkan kesahihan dan ketulenan dokumen persendirian tersebut sekiranya pembuat dokumen berkenaan menafikan sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 56(1) Akta 561, mengenai kewujudan dokumen itu. Kaedah ini juga boleh dipakai untuk membuktikan dokumen tersebut sekiranya pembuat dokumen telah meninggal dunia atau yang seumpamanya, namun ia hendaklah dibuktikan bersama kewujudan dokumen asal dikemukakan di mahkamah.

Dua Orang Saksi Tulisan dan Tandatangan

Sekiranya saksi yang menyaksikan kewujudan kepada dokumen itu tidak dapat ditemui atau dipanggil ke mahkamah syariah maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan melalui kaedah dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan

⁸⁶ *Ibid.* Seksyen 52(1)(f).

⁸⁷ *Ibid.* Seksyen 52(1)(g).

⁸⁸ *Ibid.* Seksyen 52(2)(d).

⁸⁹ Resali Muda. *op.cit.*, 58.

⁹⁰ Mohamed Fouzi, M., Wan Abdul Fattah, W. I., & Ahmad Syukran, B. (2020). Pembuktian Melalui Dokumen dalam Kes-kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. *INSLA e-Proceeding*, 3(1), 201.

⁹¹ *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 17.*

⁹² Mohamed Fouzi, M., et al., *op.cit.*, 201.

dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu seperti ditetapkan dalam Seksyen 56(2) Akta 561. Pembuktian melalui kaedah ini biasanya menggunakan keterangan saksi yang rapat dengan pemberi hibah yang mengenali tulisan pemberi hibah. Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu. Sesuatu pengakuan yang dibuat dalam dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain boleh diterima sebagai ikrar, dengan syarat hendaklah dipatuhi.⁹³ Sebagai contoh, dalam kes *Abd Razak bin Abd Ghani lwn Abd Rahim bin Othman*,⁹⁴ Panel Rayuan memutuskan orang yang paling penting untuk mengesahkan suatu tandatangan yang diturunkan dalam suatu dokumen adalah pengakuan SP-1 bahawa ia adalah tandatangan beliau sendiri.

Dua Orang Pakar

Sekiranya kesemua kaedah yang tersebut sebelum ini tidak boleh digunakan untuk membuktikan kewujudan, keaslian dan kesahihan dokumen maka pembuktian dokumen persendirian tersebut boleh dibuat melalui sekurang-kurangnya keterangan dua orang pakar seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 56(1) Akta 561(3). Keterangan Pakar bermakna kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang. Keterangan pakar ialah pendapat yang diberikan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan.⁹⁵ Ibn Qayyim mentafsirkan pakar sebagai kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang.⁹⁶

Pendapat pakar ialah keterangan yang merupakan pendapat atau kepercayaan seorang saksi, bertentangan dengan keterangan fakta yang boleh diterima sebagai keterangan.⁹⁷ Hal ini memberi maksud bahawa keterangan yang diberikan oleh seseorang yang mempunyai pengetahuan khusus mengenai sesuatu bidang tertentu sama ada melalui pengetahuannya, pengalaman atau kemahirannya. Selain itu, pendapat pakar ini juga didefinisikan sebagai suatu keterangan dalam mahkamah berkaitan dengan sesuatu isu sains, teknikal atau profesional oleh orang yang pakar dalam bidang masing-masing. Pakar yang dimaksudkan ialah mereka yang berautoriti dalam suatu bidang berdasarkan bidang kepakaran sama ada dilatih berasaskan latihan yang khusus, skil atau kebiasaan mereka dalam bidang itu.⁹⁸

Undang-undang tidak menentukan kepakaran seseorang itu berdasarkan agama atau tahap keadilannya (*credibility*) tetapi yang penting ialah orang tersebut mestilah "mempunyai kemahiran khusus" dalam perkara-perkara tersebut. Oleh yang demikian, seorang doktor yang beragama Islam tetapi fasik, masih boleh memberi pendapatnya. Begitu juga seorang doktor yang bukan Islam, boleh memberi pendapatnya di dalam mahkamah syariah kerana bersifat *bayyinat*.⁹⁹ Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasāb*, maka pendapat pakar diperlukan atas perkara itu dan bersifat *qarīnat*.¹⁰⁰

Dalam konteks pembuktian dokumen persendirian, keterangan yang perlu dibuat oleh kedua-dua pakar tersebut adalah berkaitan dengan tulisan dan tandatangan pada

⁹³ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 55.

⁹⁴ *Abd Razak Bin Abd Ghani lwn Abd Rahim bin Othman [2014] 1 JH 39 at 32.*

⁹⁵ Mahmud Saedon A. Othman. *op.cit.*, 150.

⁹⁶ Ibn Qayyim, J. (1977). *Al-Ṭurūq al-Ḥukmiyyah fī Siyāsah as-Syar'īyyah*. Beirūt. Lubnān: Dār al-Kutūb 'Ilmiyyah, 188.

⁹⁷ n.a (2004). *Kamus Undang-Undang Oxford*. Selangor: Fajar Bakti. 6th Ed., 389.

⁹⁸ Jasri, J. (2011). Kebolehterimaan Teknologi dalam Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*, 33(1), 6.

⁹⁹ Zulfakar, R. S., (2010). *Prinsip-Prinsip Pembuktian & Akta Keterangan Mahkamah Syariah*. Muzakarah Pakar: Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama PISANG. Shah Alam. 21 Julai, 9.

¹⁰⁰ Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561). Seksyen 33.

dokumen itu.¹⁰¹ Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.¹⁰² Contoh, sama ada suatu dokumen tertentu ditulis oleh A. Suatu dokumen lain dikemukakan yang dibuktikan atau diakui telah ditulis oleh A. Pendapat pakar atas soal sama ada kedua-dua dokumen itu telah ditulis oleh orang yang sama atau oleh orang yang berlainan ialah *qarīnat*. Fakta yang selainnya tidak *qarīnat* ialah *qarīnat* jika ia menyokong atau adalah tak konsisten dengan pendapat pakar apabila pendapat itu ialah *qarīnat*.¹⁰³

Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang sesiapa atau orang yang telah menulis atau menandatangani mana-mana dokumen, maka pendapat mana-mana orang yang kenal akan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menulis atau menandatangani dokumen itu, bahawa dokumen itu telah atau tidak ditulis atau ditandatangani oleh orang itu, ialah *qarīnat*.¹⁰⁴

Sumpah

Sekiranya kesemua kaedah yang telah dinyatakan sebelum ini masih tidak boleh dilaksanakan bagi membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen, dan pembuat dokumen atau pemberi hibah tersebut menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu, maka angkat sumpah hendaklah dibuat apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu. Jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutan dengannya membuktikan tuntutan seperti ditetapkan dalam Seksyen 56(6) Akta 561. Keadaan atau perkara ini bersesuaian dengan prinsip asal dakwaan iaitu keterangan hendaklah diberikan oleh orang yang mendakwa dan sumpah hendaklah menjadi tanggungan bagi orang yang menafikan atau ingkar.

KEBOLEHTERIMAAN DOKUMEN PERSENDIRIAN ELEKTRONIK DI BAWAH EKMS PERAK 2004

EKMS Perak mempunyai kelebihan yang signifikan berbanding negeri lain kerana enakmen ini mengandungi dua peruntukan berkaitan kaedah pembuktian dokumen iaitu peruntukan Seksyen 56 yang mana peruntukan ini sama seperti Akta 561. Oleh kerana peruntukan ini sama maka pengkaji tidak berhasrat untuk mengulangi huraian yang sama. Kedua, EKMS Perak 2004 ini mengandungi peruntukan berkaitan pembuktian dokumen yang dikeluarkan komputer iaitu Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 75 yang sama seperti Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950. Oleh sebab Akta 561 sedikit berbeza dengan EKMS Perak, maka pengkaji berpendapat perlu juga dijelaskan perbezaan antara kedua-dua statut ini. Jika kita lihat pada Akta 561, walaupun Huraian 3¹⁰⁵ telah mengiktiraf kesemua dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer namun pemakaian Huraian 3 ini bertujuan untuk menyokong peruntukan Seksyen 90A, 90B dan 90C¹⁰⁶ dan dalam konteks perbahasan ini adalah Seksyen 73, 74 dan 75.

Penjelasan ini mesti dibaca dengan Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 yang membincangkan dokumen yang dihasilkan oleh komputer. Peruntukan-peruntukan ini menyatakan bahawa dokumen yang dihasilkan oleh komputer merupakan dokumen primer. Oleh itu, semua salinan yang dihasilkan oleh komputer yang tidak asli daripada cakera komputer harus dianggap sebagai dokumen primer.¹⁰⁷ Dalam hal ini, Huraian 3,

¹⁰¹ *Ibid.* Seksyen 56(4).

¹⁰² *Ibid.* Seksyen 33.

¹⁰³ *Ibid.* Seksyen 34.

¹⁰⁴ *Ibid.* Seksyen 35.

¹⁰⁵ *Ibid.* Seksyen 49.

¹⁰⁶ Jal Zabdi, M. Y. (2003). *op.cit.*, 161.

¹⁰⁷ Augustine, P. (2010). *Evidence Practice and Procedure*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd. 4th Ed., 645.

Seksyen 49 yang berkaitan dengan pengiktirafan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer namun hampir semua akta atau enakmen keterangan negeri-negeri tidak mengguna pakai Seksyen 90A, 90B, 90C, 91-100. Namun EKMS Perak 2004 yang menggunakan peruntukan Seksyen 62 bagi dokumen elektronik awam, Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 75 mengenai dokumen elektronik persendirian.¹⁰⁸

Prinsip umum dalam pengemukaan keterangan dokumen persendirian ialah pembuat dokumen tersebut hendaklah dipanggil, dan dokumen hendaklah dikemukakan oleh pembuatnya. Namun prinsip ini dikecualikan oleh seksyen ini¹⁰⁹ apabila ia telah memperkenalkan satu pendekatan baharu iaitu pertama: dokumen yang dihasilkan oleh komputer boleh dikemukakan sebagai keterangan, dan kedua: pembuat dokumen tidak perlu dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Walaupun demikian, penerimaan keterangan dokumen tersebut hendaklah disertai dengan pengemukaan sijil perakuan yang telah ditandatangani oleh seseorang yang, sama ada sebelum atau selepas pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu adalah bertanggungjawab bagi pengurusan komputer itu bahawa dokumen telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa.¹¹⁰

Dokumen cetakan komputer yang tidak disertai atau diiringi dengan sijil perakuan tersebut akan menyebabkan dokumen tersebut tidak akan diterima masuk sebagai keterangan, dan sebaliknya akan ditandai sebagai dokumen pengenalan sahaja.¹¹¹ Sekali lagi pengkaji bersetuju dan menyokong Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai betul apabila beliau berpandangan bahawa Hakim Bicara telah tersalah apabila menerima keterangan tersebut jika dirujuk kepada keputusan oleh Hakim Bicara dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* pula.¹¹² Isu biasa yang dibangkitkan pada dokumen elektronik adalah, sama ada Plaintif atau Defendan telah memenuhi syarat Seksyen 90A (2) AK 1950 ataupun sebaliknya. Bahagian ini memerlukan pengeluaran sijil daripada orang yang bertanggungjawab untuk kerja-kerja dalam bidang pengkomputeran. Walau bagaimanapun, sijil tersebut tidak diperlukan sekiranya orang tersebut hadir semasa pendengaran kes. Prinsip ini diguna pakai dan ditegaskan dalam beberapa kes iaitu *Standard Chartered Bank lwn Mukah Singh*;¹¹³ *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn Pendakwa Raya*;¹¹⁴ *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya*;¹¹⁵ dan *Ahmad Najib b Aris lwn Pendakwa Raya*.¹¹⁶

Sekiranya tiada sebarang bantahan dibuat terhadap keterangan yang dikemukakan oleh para saksi dan bukti tersebut dihasilkan dalam urusan biasa, maka Plaintif tidak perlu mematuhi syarat Seksyen 90A (2) tersebut. Sijil tidak perlu dikemukakan kecuali bukti tersebut dipertikaikan pada masa bukti itu dikeluarkan. Namun jika dokumen elektronik tersebut adalah catatan penegasan dibuat oleh seseorang, kebolehterimaan boleh ditolak bergantung pada persepsi manusia dan penyediaan maklumat tersebut ke komputer kerana ia termasuk keterangan dengar cakap kecuali penegasan tersebut termasuk dalam pengecualian keterangan dengar cakap.¹¹⁷

Berdasarkan perbincangan dalam perkara ini, walaupun apa pun kaedah kebolehterimaan dokumen elektronik persendirian yang diguna pakai, pengesahan berkaitan dengan kesahihan kandungan dan ketulenan dokumen elektronik tersebut hendaklah dibuktikan terlebih dahulu sebelum sesuatu dokumen tersebut diterima sebagai

¹⁰⁸ Hassan Ab. Rahman. (2017). Pandangan Umum Terhadap Peruntukan-Peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah Malaysia: Suatu Perbandingan Dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. *1 LNS (A)* lxi. p. 16.

¹⁰⁹ *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Enakmen No. 8 Tahun 2004). Seksyen 73(1).*

¹¹⁰ *Ibid.* Seksyen 73(2).

¹¹¹ Jal Zabdi, M. Y. (2003). *op.cit.*, 168.

¹¹² *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

¹¹³ *Standard Chartered Bank lwn Mukah Singh* [1996] 3 MLJ 240 (HC).

¹¹⁴ *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn Pendakwa Raya* [1997] 3 MLJ 1 (CA).

¹¹⁵ *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya* [2006] 4 MLJ 134.

¹¹⁶ *Ahmad Najib b Aris lwn Pendakwa Raya* [2007] 2 MLJ 505.

¹¹⁷ Duryana, M. & Zulfakar, R., (2014). Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective. *ICSSR E-Journal Social Sciences Research*, 1(2), 4-5.

keterangan. Dalam isu pembuktian, elemen keaslian atau ketulenan dokumen adalah satu perkara, manakala kerelevanan dokumen tersebut dalam perkara yang didakwa itu merupakan satu perkara yang lain. Selain dari yang sah, dokumen tersebut juga hendaklah dokumen utama atau asal; relevan dari segi undang-undang; dan bukan dengar cakap.¹¹⁸

Pengkaji merumuskan bahawa peruntukan seksyen 73, 74 dan 75 EKMS Perak 2004 ini adalah dikhususkan bagi menentukan kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik semata berbanding peruntukan seksyen 56 yang lebih umum penggunaannya. Hal ini bermaksud seksyen 56 ini masih boleh digunakan untuk pembuktian dokumen persendirian elektronik walaupun ia sedikit sukar berbanding peruntukan khusus tersebut. Pengkaji bersetuju dengan saranan kebanyakan pengkaji lain agar peruntukan undang-undang berkaitan dengan kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian elektronik turut diperincikan sebagaimana di negeri Perak untuk tujuan penyeragaman.

KESIMPULAN

Pembuktian itu merupakan suatu proses yang berjalan bagi membuktikan kewujudan atau tidak wujud sesuatu fakta menggunakan keterangan yang diiktiraf syarak. Beban bukti dalam undang-undang keterangan merujuk kepada dua bentuk beban bukti iaitu beban perundangan atau pembuktian kes keseluruhannya, dan beban mengemukakan keterangan. Beban keterangan dalam sesuatu kes mal hendaklah terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta. Perkara ini termasuklah dalam pembuktian kewujudan dokumen persendirian elektronik yang mana hendaklah terletak kepada orang yang mendakwa kewujudan dokumen tersebut. Kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik berdasarkan Akta 561 adalah sama dengan kaedah pembuktian dokumen persendirian biasa melalui pengemukaan dokumen asal dan pengakuan pembuat dokumen. Sekiranya pembuat dokumen menafikan, maka pembuktian boleh dibuat melalui dua orang saksi dokumen; dua orang saksi tulisan tangan; dua orang saksi pakar; ataupun diputuskan melalui kedah sumpah. Keadaan ini berbeza dengan kaedah yang ditetapkan dalam EKMS Perak 2004 yang memperuntukkan dua cara iaitu pertama sama seperti Akta 561 dan kedua, peruntukan kaedah khas bagi pembuktian dokumen komputer. Kesimpulannya, kajian ini mendapati wujud perbezaan kaedah yang ditetapkan oleh kedua-dua undang-undang berkaitan pembuktian dokumen persendirian elektronik. Kajian ini mencadangkan agar undang-undang keterangan di semua negeri diseragamkan bagi mengelakkan salah faham akibat perbezaan kaedah pembuktian.

RUJUKAN

Akta

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004.

Buku

- Abdul Rahman, M. (1988). *Prinsip Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Ahmad Ibrahim, B. (1985). *Turūq al-Ithbāt al-Syar'iyyaṭ*. t.tp: t.pt. Cet. 3.
- al-Baha'i, A. A. M. (1965). *Min Turūq al-Ithbāt fī al-Syarī'ah wa fī al-Qānūn*. Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi.
- al-Sanhuri, Abd al-Razzaq Ahmad. (t.t). *Al-Wasīt fī Syarḥ al-Qānūn al-Madānī al-Jadīd*. Bayrut. Lubnān: Dār al-Iḥya' al-Turāth al-'Arābī. Vol. 2.
- al-Zuhayli, M. (1982). *Wasāil Ithbāt*. Bayrut: Maktabaṭ Dār al-Bayān. Vol. 2.
- al-Zuhayli, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

¹¹⁸ Mursilalaili M. S. et al., *op.cit*, (2015a), 30.

- Arbouna, M. B. (1999). *Islamic Law of Evidence: The Function of Official Documents in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.
- Augustine Paul. (2010). *Evidence Practice and Procedure*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd. 4th Ed.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (1977). *Al-Ṭurūq al-Ḥukmiyyah fī Siyāsah as-Syar'iyyah*. Bayrut. Lubnān: Dār al-Kutūb 'Ilmiyyah.
- Imad, M. R. (1999). *Hujjiyah al-Syahadah fī al-Ithbāt al-Jazā'iy*. Ammān Jordān: Maktabah al-Thaqafah.
- Jal Zabdi, M. Y. (2003). *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Jubran Mas'ud. (1990). *Al-Rāid Mu'jam Lughāwi 'Asrī*. Bayrut. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyin. Vol. 1. Cet. 6.
- Mahmud Saedon, A. O. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mahmud, M. H. (1988). *Al-Qada' wa Niḡām al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Islāmī wa Anḡimat wa al-Wad'iyyah*. Riyad: Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Jami'at al-Malik al-Saud.
- Md. Amin A. R. (2005). *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). UiTM.
- Mohd Salleh, A. (2005). *Risalah Ahkam*. Selangor: Intel Multi Media and Publication.
- Muhammad Fawwaz. (2008). *Al-Wajiz fī al-'Uqud al-Tijarah al-Eltroniyyah*. 'Amman: Dar al-Thaqafah.
- n.a. (1983). *Faruqi's Law Dictionary*. Bayrut: Librairie Du Liban.
- n.a. (1995). *Kamus Undang-undang*. t.tp: Oxford Fajar Sdn. Bhd. Cet. 18.
- n.a. (2000). *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- n.a. (2004). *Kamus Undang-Undang Oxford*. Selangor: Fajar Bakti. 6th Ed.
- Richard May. (1995). *Criminal Evidence*. London: Sweet & Maxwell.
- Rupert, Cross. (1990). *Cross on Evidence*. London: Butterworths. 7th Edition.
- Siti Zalikhah, H. M. N. (2006). *Beberapa Aspek dalam Undang-undang Keterangan Islam*. Dlm.: Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam. Siti Zalikhah Haji Md Nor et al. (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Vol. 3.
- Zulfakar, R. S. (2007). *Al-Qarinah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah*. Nasimah Hussin et al., Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil. 13.

Jurnal

- Abdul Halim, Z. (2019). Beban Pembuktian dalam Kes Mal menurut Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia. *1 LNS (A)* xxxi.
- Ahmad Azam, M. S. (2014). Jenayah Moral dan Kesusilaan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian Kes melalui Qarinah Rakaman Foto dan Video Digital. *1 LNS (A)*.
- Duryana, M. & Zulfakar, R. (2014). Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective. *ICSSR E-Journal Social Sciences Research, 1(2)*, 1-10.
- Hassan, A. R. (2017). Pandangan Umum Terhadap Peruntukan-Peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah Malaysia: Suatu Perbandingan Dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. *1 LNS (A)* lxi.
- Jasri, J. (2011). Kebolehterimaan Teknologi dalam Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum, 33(1)*, Putrajaya: JKSM.
- Lukman, A. M., & Wan Abdul Fattah, W. I. (2012). Al-Qarinah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina). *International Journal Of Islamic Thought, 2*, 38-54.
- Mohamad Azhan, Y., Ahmad 'Azam, M. S., & Mohd Abu Hassan, A., (2017). Keterangan Dokumen Dalam Bentuk Digital Di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia. *Journal Current Legal Issues*. Bangi: Penerbit UKM. September.

- Mohamad Azhan, Y., Ahmad Azam, M. S., Azizah, M. R., & Fatimah Yusro, H., (2020). Pengemukaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan dalam Perbicaraan Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 27, 55-63.
- Mohamad Ismail, M. Y., (2006). Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini. *The Journal of Malaysian BAR (INSAF) XXXV*. Kuala Lumpur: Malaysian Bar Council. Vol. 1.
- Mohamad Khairudin, K., & Ahmad, C. Y. (2019). The Integration of Digital Forensics Science and Islamic Evidence Laws. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 61-70.
- Mursilalaili, M. S., Abdul Rani, K., & Zulfakar, R., (2015a). Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(26), 30-35.
- Mursilalaili, M. S., Abdul Rani, K., Duryana, M., & Zulfakar, R., (2015b). Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws. *Pertanika: Journal of Social Science and Humanities*, 23(S), 153-168.
- Ruzman, M. N. (2007). Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(1), 29-42.
- Ruzman, M. N. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1-23.
- Ruzman, M. N., & Istajib, M. (2011). Ulasan Kes dari aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain. *Jurnal Kanun*, 26(2), 130-146.
- Wan Abdul Fattah, W. I. (2016). Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 28(2), 338-355.
- Zulfakar, R. (2015). Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Kanun*, 27(1), 122-142.

Laman Sesawang

Scientific Working Group On Digital Evidence. <https://www.swgde.org/> (Diakses pada 19 Mei 2021).

Seminar & Prosiding

- Mohamed Fouzi, M., Wan Abdul Fattah, W. I. & Ahmad Syukran, B. (2020). *Pembuktian Melalui Dokumen dalam Kes-kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia*. INSLA e-Proceeding. Nilai: USIM. 3(1).
- Nurbazla, I. (2016). *Perbandingan Takrifan Dokumen Elektronik Dalam Akta Keterangan Syariah Dan Akta Keterangan Sivil Di Malaysia*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam. Banda Aceh. Bangi: Penerbit UKM.
- Zulfakar, R. S., (2010). *Prinsip-Prinsip Pembuktian & Akta Keterangan Mahkamah Syariah*. Muzakarah Pakar: Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan PISANG. Shah Alam. 21 Jul.

Tesis

Resali, M. (1998). *Documentary Evidence: It's Application in Court; A Comparative Study between Common Law, Malaysian and Islamic Law*. (Tesis Sarjana). Universiti Islam Antarabangsa.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.